

TEKS UCAPAN ALUAN

YBHG. PROFESOR DATUK Ts. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

RETREAT LPU 2023

16 & 17 Disember 2023 (Sabtu & Ahad)

Geo Resort and Hotel, Genting Highland

SALUTASI

-Seperti di lampiran

1. Pertamanya, marilah kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul di **Retreat Lembaga Pengarah Universiti bagi tahun 2023**. Untuk makluman semua, Retreat LPU ini merupakan satu program tahunan yang dianjurkan khas untuk mendapatkan maklumbalas daripada ahli Lembaga Pengarah Universiti berkenaan dengan hala tuju universiti dan juga sebarang cadangan penambahbaikan terutama dalam pelan strategik UTeM.

2. Seperti yang semua sedia maklum juga, retreat LPU pada tahun lepas telah dianjurkan di Pulau Pinang dan pada tahun ini kita memilih Genting Highlands mengambil kira faktor lokasi yang lebih dekat dan mudah untuk tujuan pengangkutan selain faktor persekitaran yang lebih dingin, berbeza dengan lokasi-lokasi bengkel dan kursus yang pernah dianjurkan UTeM sebelum ini. Diharapkan penganjuran Retreat LPU pada kali ini akan dapat dijalankan dengan jayanya serta mendapat maklumbalas serta idea-idea penambahbaikan daripada semua.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Untuk makluman semua, Pelan Strategik UTeM 2023 – 2025 baru sahaja memasuki tahun pertama pelaksanaannya.

Walaupun bagaimanapun, kita telah dapat melihat beberapa lonjakan yang telah berjaya dilakukan oleh warga UTeM berkat daripada usaha sama dan kerja keras oleh semua pihak. Antaranya adalah:

- **Peratusan kebolehpasaran graduan UTeM** telah mencapai 96.4% pada tahun 2023 berbanding yang disasarkan bagi tahun 2025 iaitu 95%;
- **Peratusan daripada GE dalam TVET** mencapai 68% pada tahun 2023 berbanding 60% yang disasarkan bagi tahun 2025;
- **Penerimaan dividen** berjumlah RM 5 juta daripada UHSB bagi tahun 2023 berbanding sasaran RM4.5 juta pada tahun 2025; dan lain-lain.

4. Alhamdulillah lonjakan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Pelan Strategik UTeM 2023-2025 telah dijalankan oleh semua pihak di UTeM dan berada di landasan yang betul. Seharusnya usaha semua pihak dalam memastikan pelaksanaan ini di puji kerana hasilnya, UTeM telah tersenarai dalam QS World University Ranking bagi tahun 2024 (1201-1400). Ini merupakan satu indikator yang sangat baik berkenaan status pelaksanaan pelan strategik UTeM dan tidak lupa juga merupakan hasil daripada usaha sama kepimpinan lepas yang telah menerajui UTeM sehingga mampu untuk memasuki ranking dunia ini.
5. Kejayaan dan progress ini seharusnya diteruskan dalam memastikan hala tuju universiti secara keseluruhannya dapat dicapai. Saya akui

memang terdapat beberapa perkara yang perlu untuk dilihat semula dan solusi yang lebih proaktif boleh dicadangkan seterusnya diambil dalam memastikan sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai. Atau mungkin terdapat KPI atau sasaran yang sudah tidak relevan untuk dimansuhkan atau dikemaskini. Bagi tujuan tersebut, pihak PPSKR sedang meneliti semula KPI-KPI yang berkaitan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

6. Untuk makluman semua, UTeM sedang giat menjalankan projek-projek berskala besar untuk memastikan segala sasaran yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik UTeM 2023 -2025 dapat dicapai. Antaranya adalah bagi portfolio Akademik - penubuhan kampus

cawangan di Kota Tinggi. Antara sasaran yang cuba untuk dicapai melalui penubuhan kampus ini adalah:

- Bilangan enrolmen keseluruhan pelajar kepada 19,000 orang menjelang tahun 2025,
- Bilangan enrolmen pelajar prasiswazah kepada 15,000 menjelang tahun 2025,
- Bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah kepada 4,000 orang menjelang tahun 2025, dan
- Bilangan enrolmen pelajar prasiswazah TVET kepada 10,000 orang menjelang tahun 2025

7. Bukan itu sahaja, bagi portfolio-portfolio yang lain juga terdapat projek-projek besar yang sedang di dalam perancangan dan semestinya perlu dilaksanakan dalam memastikan sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai. Pelaksanaan projek-projek berskala besar ini adalah perlu kerana terdapat pelbagai KPI yang boleh dicapai seterusnya memberi impak yang sangat tinggi bukan sahaja kepada universiti tetapi kepada masyarakat dan juga negara.
8. Oleh yang demikian, pada hari ini kita akan mendengar pembentangan daripada pengurusan tertinggi yang memegang portfolio yang berkaitan iaitu:
- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Pejabat Pendaftar
- Pejabat Bendahari, dan
- Pejabat Penasihat Undang-Undang.

9. Pembentangan yang akan dilakukan adalah merangkumi prestasi pencapaian semasa dan juga perancangan bagi tahun yang akan datang. Oleh yang demikian, pihak UTeM memohon jasa baik dan maklumbalas yang membina daripada ahli-ahli lembaga pengarah dalam memberi cadangan dan idea-idea yang bernas untuk memastikan UTeM dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan seterusnya bergerak dalam memastikan UTeM untuk melonjak

kehadapan dan menjadi Universiti Teknikal terkemuka bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di dunia.

10. Alhamdulillah pada waktu ini UTeM bukan lagi universiti tercorot di kalangan MTUN. Tetapi menjadi bukan tercorot bukanlah sasaran yang cuba untuk kita capai. Apa yang kita sasarkan adalah untuk menjadi yang terbaik. Untuk menjadi yang terbaik, terdapat banyak lagi aspek yang perlu diberi perhatian. Saya sangat mengharapkan sesi selama dua hari ini akan memberi input yang positif kepada portfolio yang berkaitan supaya penambahbaikan boleh dilakukan bukan sahaja di peringkat strategik bahkan di peringkat operasi.

11. Akhir kata, sekali lagi bagi pihak pengurusan tertinggi UTeM, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli lembaga pengarah universiti kerana sudi meluangkan masa bersama-sama pada hari ini untuk memberi idea dan penambahbaikan dalam perancangan universiti. Semoga usaha sama yang berterusan ini akan dapat menyumbang kepada pencapaian universiti di masa akan datang.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

